

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PENDEDAHAN INDUSTRI**  
**(IndEx) DI DEWAN KAPITOL PADA 8 MEI 2006.**

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM  
(Akademik Dan Pengantarabangsaan )

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor  
KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM

warga kerja dan para pelajar KUKUM yang dikasihi sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia, kasih dan sayang serta dengan izin-nya dapat kita berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa program pada pagi ini kerana telah bertungkus lumus sekali lagi berganding bahu, bekerjasama mencanai idea, merancang kerja dan seterusnya melangsungkan upacara walaupun sentiasa dihambat tuntutan serta komitmen kerja yang adakalanya begitu mendesak dan mencabar.

Hadirin dan pelajar yang dihormati,

Seperti yang kita maklum tahun ini merupakan tahun ke-4 Pusat Kerjasama Industri menganjurkan Program Pendedahan Industri (IndEx) di KUKUM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar KUKUM bagi mendapatkan pendedahan mengenai bidang kejuruteraan dan

bidang industri daripada fasilitator yang terlatih, mempunyai kepakaran serta pengalaman dalam di industri. Malahan, program ini merupakan salah satu program wajib bagi semua pelajar Tahun Satu.

Selain itu, program IndEx ini juga diadakan untuk membantu pelajar membuat persediaan sebelum mengikuti Kursus Latihan Industri yang bakal ditempuhi oleh para pelajar di Tahun Tiga kelak. Menerusi program ini juga para pelajar akan mendapat gambaran yang lebih jelas lagi tentang dunia industri dan seterusnya melakukan persediaan. Misalnya, di dalam program ini pihak pengangur akan menjemput Intel Technology Malaysia Sdn Bhd sebagai panel penceramah. Oleh itu, mana-mana pelajar yang berminat untuk memohon menjalani Latihan Industri di syarikat berkenaan ataupun yang ingin memohon pekerjaan selepas tamat pengajiannya kelak akan mengetahui tentang keistimewaan syarikat tersebut serta maklumat lain seperti syarat kelayakan dan sebagainya. Selain Technology Malaysia Sdn Bhd, terdapat juga industri lain yang akan turut terlibat dalam program ini seperti Avago Technology Sdn Bhd, Pentamaster, NAZA, Agilent Technology, CIMA dan sebagainya.

Hadirin dan pelajar yang dihormati,

Program IndEx seperti ini hanya diadakan di KUKUM sahaja dan tidak dilakukan di mana-mana universiti yang lain. Ini menunjukkan bahawa pihak Pengurusan KUKUM amat mengambil berat tentang pengurusan akademik pelajarnya. Program ini merupakan salah satu usaha KUKUM dalam usaha meningkatkan mutu graduan yang lebih berkualiti dan lagi matang. Apa yang penting graduan-graduan yang bakal dihasilkan oleh KUKUM tidak hanya didedahkan kepada teori-teori kejuruteraan, malah dilengkapkan dengan pengetahuan dan pengalaman yang sebenar yang bakal diperolehi menerusi Program Pendedahan Industri ini. Suka saya mengingatkan bahawa melalui Program IndEx ini, para pelajar akan mendalami tentang teknologi terkini dan juga meneroka bidang kejuruteraan yang mana bidang ini amat luas. Saya juga berharap pelajar akan dapat mengambil peluang keemasan ini untuk meningkatkan kualiti diri dan mendalami bidang kejuruteraan ini.

Sebagaimana yang kita semua maklum semasa pelajar menjalani Program Pendedahan Industri ini, pelajar akan mengikuti sesi lawatan ke industri-industri. Semasa sesi lawatan tersebut sebenarnya para pelajar sedang dinilai. Ingin saya ingatkan bahawa setiap kelakuan dan tindak tanduk para pelajar di sana nanti akan melambangkan imej produk di KUKUM. Jika kita dapat memberikan satu imej yang baik sudah pasti peluang akan terbuka luas bagi pelajar KUKUM untuk bekerja selepas tamat pengajian. Dengan itu saya amat berharap para pelajar akan sentiasa menjaga disiplin dan sahsiah diri agar nama baik KUKUM.

Hadirin dan pelajar yang dihormati,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan, Pensyarah, Pegawai Latihan Vokasional dan kakitangan pentadbiran yang turut bersama-sama membantu bagi menjayakan Program Pendedahan Industri ini. Program ini pasti sukar dilaksanakan tanpa bantuan dan kerjasama daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Akhir sekali, saya doakan agar pelajar-pelajar yang berada di dewan ini pada pagi ini akan dapat menjalani Program Pendedahan Industri dengan jayanya. Harapan saya semoga para pelajar akan menjadi seorang graduan yang cemerlang dan mampu menjadi jurutera yang dikagumi kelak.

Dengan ini, dengan Lafaz Bismillah hirrahman nirrahim saya merasmikan Program Pendedahan Industri (IndEx) 2006.

Sekian, Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh